8	N08	SUNGAI BURONG - N08	4,947
9	N09	PERMATANG - N09	5,184
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	5,130
11	N11	IJOK - N11	2,198
12	N12	JERAM - N12	5,602
13	N13	KUANG - N13	4,531
14	N14	RAWANG - N14	4,227
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	3,963
16	N16	BATU CAVES - N16	2,549
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	3,109
18	N18	HULU KELANG - N18	2,319
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	2,071
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	3,178
21	N21	CHEMPAKA - N21	1,859
22	N22	TERATAI - N22	752
23	N23	DUSUN TUA - N23	2,126
24	N24	SEMENYIH - N24	2,746
25	N25	KAJANG - N25	1,963
26	N26	BANGI - N26	2,874
27	N27	BALAKONG - N27	988
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	2,563
29	N29	SERI SERDANG - N29	2,340
30	N30	KINRARA - N30	2,340
31	N31	SUBANG JAYA - N31	725
32	N32	SERI SETIA - N32	4,092
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	3,485
34	N34	BUKIT GASING - N34	618

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Ahli
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	525
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	867
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	3,090
38	N38	PAYA JARAS - N38	6,701
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	2,623
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	3,852
41	N41	BATU TIGA - N41	3,721
42	N42	MERU - N42	8,060
43	N43	SEMENTA - N43	3,595
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	1,219
45	N45	SELAT KLANG - N45	3,355
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	2,690
47	N47	PANDAMARAN - N47	2,304
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	663
49	N49	SERI ANDALAS - N49	4,262
50	N50	SRI MUDA - N50	3,061
51	N51	SIJANGKANG - N51	4,258
52	N52	TELOK DATOK - N52	4,840
53	N53	MORIB - N53	7,045
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4,917
55	N55	DENGKIL - N55	8,621
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	4,856
57	KHAS		23,532
	JUMLAH KESELURUHAN		216,051

YB Sekinchan bertanyakan berkaitan keahlian SPS mengikut kaum, berikut adalah pecahan mengikut kaum sehingga 12 Julai 2017 :

Bil.	Kaum	Jumlah Pemohon yang Berjaya	Peratusan %
1	MELAYU	142,558	66%
2	CINA	31,451	14%
3	INDIA	40,367	19%
4	LAIN-LAIN	1,675	1%
	JUMLAH	216,051	100%

YB Jeram bertanyakan jumlah permohonan SPS yang ditolak dan sebab penolakan.

Jumlah permohonan yang ditolak sehingga 12 Julai 2017 adalah sebanyak 5,235 permohonan. Di antara sebab permohonan tersebut ditolak adalah seperti berikut:

- i. Dokumen sokongan tidak lengkap;
- ii. Gaji melebihi had;
- iii. Tempoh pemastautin tidak mencukupi; dan
- iv. Dokumen sokongan yang mencurigakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian,

YB Kajang, YB Kota Anggerik, YB Seri Andalas dan YB Jeram turut bertanyakan berkaitan peruntukan yang telah dibelanjakan untuk SPS serta pecahan mengikut Dewan Negeri.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga 12 Julai 2017, bagi pelaksanaan SPS adalah sebanyak RM1,621,950.27. Jumlah tersebut merupakan amaun tuntutan ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh klinik panel SPS bagi menampung kos rawatan peserta SPS.

Berikut adalah jumlah amaun tuntutan mengikut Dewan Negeri :

DEWAN NEGERI	BILANGAN PESAKIT	AMAUN TUNTUTAN (RM)
N55 DENGKIL	2,300	102,753.95
N10 BUKIT MELAWATI	1,862	85,782.50
N56 SUNGAI PELEK	1,719	79,501.00
N03 SUNGAI PANJANG	1,663	72,245.40
N28 SERI KEMBANGAN	1,323	60,819.50
N07 BATANG KALI	1,338	60,412.70
N42 MERU	1,320	56,407.30
N09 PERMATANG	1,141	52,741.00
N01 SUNGAI AIR TAWAR	1,153	52,701.70
N38 PAYA JARAS	1,025	46,194.00
N49 SERI ANDALAS	949	43,286.75
N12 JERAM	961	43,093.60
N53 MORIB	905	40,127.00
N13 KUANG	892	38,961.80

N52 TELOK DATOK	793	37,383.00
N32 SERI SETIA	710	32,890.80
DEWAN NEGERI	BILANGAN PESAKIT	AMAUN TUNTUTAN (RM)
N08 SUNGAI BURONG	647	30,603.10
N14 RAWANG	658	28,795.20
N46 PELABUHAN KLANG	609	28,116.40
N41 BATU TIGA	629	27,872.46
N26 BANGI	628	26,888.60
N43 SEMENTA	628	26,762.10
N15 TAMAN TEMPLER	636	26,673.25
N54 TANJUNG SEPAT	582	25,093.00
N51 SIJANGKANG	567	24,970.60
N40 KOTA ANGGERIK	538	24,381.90
N33 TAMAN MEDAN	518	24,252.40
N45 SELAT KLANG	553	23,657.50
N29 SERI SERDANG	490	22,546.80
N18 HULU KELANG	540	22,202.80
N17 GOMBAK SETIA	466	21,249.90
N47 PANDAMARAN	456	20,311.60
N24 SEMENYIH	436	19,736.40
N39 KOTA DAMANSARA	425	19,336.06
N30 KINRARA	430	19,315.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N20 LEMBAH JAYA	437	19,110.50
N06 KUALA KUBU BAHARU	409	18,715.00
N19 BUKIT ANTARABANGSA	405	17,848.65
N37 BUKIT LANJAN	392	17,732.00
N25 KAJANG	387	17,632.60
N21 CHEMAKA	387	17,466.00
N02 SABAK	404	17,382.40
N23 DUSUN TUA	366	16,118.60
N16 BATU CAVES	344	15,701.40
N50 SRI MUDA	347	15,541.65
N04 SEKINCHAN	319	14,533.50
N11 IJOK	310	13,752.00
N31 SUBANG JAYA	259	11,597.35
N05 HULU BERNAM	283	9,741.00
N27 BALAKONG	192	8,492.95
N44 SUNGAI PINANG	111	5,295.10
LAIN-LAIN	101	4,461.00

N34 BUKIT GASING	96	4,362.50
N22 TERATAI	67	3,072.00
N48 KOTA ALAM SHAH	48	2,253.50
N36 DAMANSARA UTAMA	41	1,770.00
N35 KAMPUNG TUNKU	30	1,303.00
JUMLAH	36,225	1,621,950.27

YB Jeram bertanyakan berkenaan klinik panel bagi SPS, pada masa ini sebanyak 624 klinik panel yang telah berdaftar dengan SPS. Berikut adalah pecahan klinik panel mengikut Dewan Negeri :

Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Klinik
1	N01	SUNGAI AIR TAWAR - N01	0
2	N02	SABAK - N02	2
3	N03	SUNGAI PANJANG - N03	6
4	N04	SEKINCHAN - N04	1
5	N05	HULU BERNAM - N05	0
6	N06	KUALA KUBU BAHARU - N06	6
7	N07	BATANG KALI - N07	12
8	N08	SUNGAI BURONG - N08	1
9	N09	PERMATANG - N09	4
10	N10	BUKIT MELAWATI - N10	4
11	N11	IJOK - N11	3
12	N12	JERAM - N12	8
13	N13	KUANG - N13	2
14	N14	RAWANG - N14	26
15	N15	TAMAN TEMPLER - N15	9
16	N16	BATU CAVES - N16	17
17	N17	GOMBAK SETIA - N17	7
18	N18	HULU KELANG - N18	2
19	N19	BUKIT ANTARABANGSA - N19	8
20	N20	LEMBAH JAYA - N20	21
21	N21	CHEMPAKA - N21	1
22	N22	TERATAI - N22	2
23	N23	DUSUN TUA - N23	4
24	N24	SEMENYIH - N24	14
25	N25	KAJANG - N25	27
26	N26	BANGI - N26	23
27	N27	BALAKONG - N27	9
28	N28	SERI KEMBANGAN - N28	18

29	N29	SERI SERDANG - N29	13
30	N30	KINRARA - N30	32
31	N31	SUBANG JAYA - N31	24
32	N32	SERI SETIA - N32	19
Bil.	Dewan Negeri		Jumlah Klinik
33	N33	TAMAN MEDAN - N33	13
34	N34	BUKIT GASING - N34	3
35	N35	KAMPUNG TUNKU - N35	7
36	N36	DAMANSARA UTAMA - N36	10
37	N37	BUKIT LANJAN - N37	5
38	N38	PAYA JARAS - N38	15
39	N39	KOTA DAMANSARA - N39	19
40	N40	KOTA ANGGERIK - N40	48
41	N41	BATU TIGA - N41	22
42	N42	MERU - N42	22
43	N43	SEMENTA - N43	29
44	N44	SUNGAI PINANG - N44	5
45	N45	SELAT KLANG - N45	5
46	N46	PELABUHAN KLANG - N46	22
47	N47	PANDAMARAN - N47	4
48	N48	KOTA ALAM SHAH - N48	5
49	N49	SERI ANDALAS - N49	7
50	N50	SRI MUDA - N50	17
51	N51	SIJANGKANG - N51	6
52	N52	TELOK DATOK - N52	8
53	N53	MORIB - N53	6
54	N54	TANJUNG SEPAT - N54	4
55	N55	DENGKIL - N55	10
56	N56	SUNGAI PELEK - N56	7
	JUMLAH KESELURUHAN		624

YB Sekinchan bertanyakan berkaitan kaedah mempercepatkan kelulusan setiap permohonan.

Permohonan Keahlian SPS boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu dengan membuat permohonan secara atas talian (*online*) ataupun melalui Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran. Bagi memudahkan permohonan, petugas PKM akan membantu menguruskan pendaftaran SPS ini terutama kepada golongan yang kurang upaya dan kurang berpengetahuan menggunakan capaian internet. Proses ini dapat mempercepatkan kelulusan setiap permohonan yang diterima.

Bagi memperkasakan program Skim Peduli Sihat (SPS) demi kepentingan dan kebajikan rakyat di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mewujudkan beberapa **Kategori Khas** yang akan didaftarkan dan diluluskan oleh pihak Selgate Corporation Sdn. Bhd. selaku pihak yang telah dilantik bagi menguruskan pelaksanaan SPS. Kategori Khas ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang mempunyai rekod penerima yang layak untuk menerima manfaat di bawah program ini. Senarai penerima manfaat SPS di bawah **Kategori Khas** yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI KHAS	AGENSI / JABATAN
1.	Orang Kelainan Upaya (OKU)	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKM)
2.	Anak Yatim	
3.	Guru KAFA	Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS)
4.	Imam Masjid dan Surau	
5.	Fakir Miskin / Asnaf	Lembaga Zakat Selangor (LZS)
6.	Ketua Kampung dan Ketua Komuniti India	Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
7.	Warga Emas (60 tahun ke atas)	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PROSPEK EKONOMI NEGERI 2020

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah prospek ekonomi Selangor di tahun 2020?
- b) Adakah Selangor akan kekal sebagai negeri paling maju ekonominya di Malaysia?

JAWAPAN:

- a) Sebagai penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara, Kerajaan Negeri bertekad untuk meneruskan momentum pertumbuhan dan memastikan hala tuju pembangunan negeri tidak tersasar. Era baru pasca 2020 akan membawa peluang dan cabaran berikutan perubahan demografi secara global. Konurbasi utama bandar seperti Lembah Klang akan terus menjadi pusat utama aktiviti ekonomi dan sosial serta pusat tumpuan bakat dan syarikat terkemuka antarabangsa.

Menyorot kembali prestasi cemerlang ekonomi Negeri Selangor sejak tahun 2011 sehingga 2015, pertumbuhan KDNK negeri menunjukkan kadar yang memberangsangkan dengan peningkatan peratusan sumbangan KDNK dari 21.7% pada tahun 2011 sehingga 22.6% pada tahun 2015.

Prestasi Ekonomi Negeri Selangor 2011 - 2015

Tahun	Sumbangan kepada KDNK Negara		Peratus Perubahan Tahunan KDNK (%)	
	RM Juta	%	Selangor	Malaysia
2011	187,434	21.7	5.5	5.3
2012	200,906	22.0	7.2	5.5
2013	212,645	22.3	5.8	4.7
2014	226,964	22.4	6.7	6.0
2015	239,968	22.6	5.7	5.0

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan KDNK negeri juga berjaya mengatasi KDNK negara setiap tahun pada kadar yang membanggakan. Pada tahun 2012, KDNK negeri mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.2%, perbezaan pertumbuhan sebanyak 1.7% berbanding pertumbuhan negara yang hanya mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5% pada tahun tersebut. Pertumbuhan yang konsisten setiap tahun ini dipacu oleh fundamental yang kukuh dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan yang merupakan penyumbang utama kepada KDNK Negeri Selangor. Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri akan terus memantapkan sektor utama ini bagi memastikan keupayaan sebenar dapat dicapai bagi menjana ekonomi negeri menjelang tahun 2020.

Dari segi demografi penduduk, Selangor mencatatkan bilangan penduduk tertinggi berbanding penduduk di negeri lain di Malaysia dari tahun 2011 sehingga 2016. Unjuran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2017 adalah seramai 32,100,000 orang. Daripada jumlah tersebut, hampir 20% adalah penduduk di Selangor dengan jumlah seramai 6,380,800 orang.

Bilangan Penduduk Malaysia dan Selangor 2011 - 2017

Tahun	Malaysia	Selangor	Peratus Penduduk Selangor di Malaysia (%)
2011	29,062,000	5,600,300	19.3
2012	29,510,000	5,668,800	19.2
2013	30,213,700	5,725,300	18.9
2014	30,708,500	6,051,300	19.7
2015	31,200,000	6,178,000	19.8
2016	31,700,000	6,298,400	19.9
2017 ^e	32,100,000	6,380,800	19.9

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota : Unjuran^e

Jumlah kepadatan penduduk ini menunjukkan Negeri Selangor menjadi tumpuan utama untuk didiami dan dijadikan lokasi bagi menjana sumber pendapatan ekoran daripada kestabilan ekonomi dan pembangunan serta kemudahan yang telah tersedia.

Melihat kepada kepadatan penduduk tersebut, tidak hairanlah kebanyakan projek pembangunan infrastruktur dan pengangkutan awam oleh Kerajaan

Persekutuan juga tertumpu di negeri ini terutamanya di Lembah Klang. Pelaburan-pelaburan dalam bentuk infrastruktur dipusatkan di kawasan tersebut bagi menampung keperluan rakyat yang menginginkan kemudahan yang lancar di samping memenuhi permintaan peniaga-peniaga yang memerlukan sistem pengangkutan kondusif bagi menjalankan aktiviti perniagaan. Antara projek-projek infrastruktur yang sedang dibangunkan di dalam Negeri Selangor adalah:

- 1) *Mass Rapid Transit* (MRT);
- 2) *Light Rail Transit* (LRT); dan
- 3) *Bus Rapid Transit* (BRT)

Projek-projek berskala besar ini akan menjadi nadi sistem pengangkutan yang menghubungkan lokasi-lokasi utama merentasi sempadan daerah di Negeri Selangor. Setelah siap dibangunkan, Kerajaan Negeri percaya semua projek ini akan membantu melancarkan projek-projek penjana ekonomi di Negeri Selangor dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dalam segenap sektor menjelang 2020.

Negeri Selangor yang telah dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan asas yang sempurna di kebanyakan bandar, merupakan tarikan utama bagi pelabur-pelabur di dalam dan luar negeri. Selangor menjadi destinasi pelaburan yang menarik berikutan usaha yang berterusan dari kerajaan negeri dalam menyediakan persekitaran kondusif serta mesra perniagaan. Perkembangan ini ditunjukkan melalui peningkatan dalam pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM7,963.8 juta pada tahun 2015 berbanding RM7,042.3 juta pada tahun 2014. Peningkatan sebanyak 13.1% iaitu sebanyak RM921.5 juta ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam pelaburan pembuatan dalam barangan domestik iaitu sebanyak 17.0% atau sebanyak RM5,175.6 juta. 53.0% pelaburan di Selangor dikuasai oleh pelabur tempatan dan selebihnya iaitu 47.0% dari pelaburan asing (FDI). Pelaburan domestik mencatatkan peningkatan sebanyak 9.0% menjadi RM4,182.5 juta berbanding tahun sebelumnya. Walaupun berdepan dengan persekitaran luar yang mencabar ekoran dari kemelesetan ekonomi dunia dan penyusutan nilai matawang serantau, Selangor terus berjaya menarik aliran masuk pelaburan asing (FDI). Pada tahun 2015, pelaburan langsung asing di Negeri Selangor dicatatkan lebih tinggi dari tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 18.0% menjadikan nilai keseluruhan berjumlah RM3,781.3 juta. Berbekalkan keyakinan ke atas aktiviti pelaburan, Kerajaan

Negeri akan memberi fokus ke arah pembangunan ekonomi melalui pelaburan berimpak tinggi yang dijangka akan menjadi pemangkin dan penggerak utama ekonomi Negeri Selangor pada masa akan datang.

Bagi memastikan Negeri Selangor kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK negara, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi seperti berikut:

- 1) Menjadikan integriti, ketelusan, urus tadbir yang baik dan institusi yang berwibawa sebagai asas utama pembangunan ekonomi Negeri Selangor;
- 2) Menumpukan kepada daya saing kualiti dan memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti sub sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sedia ada;
- 3) Memanfaatkan pelaburan asing (FDI) yang telah ada untuk mewujudkan *value creation* (penciptaan nilai) bagi melonjak ekonomi Negeri Selangor ke tahap yang lebih tinggi;
- 4) Memberikan lebih perhatian kepada industri kecil dan sederhana (IKS) bagi tahun yang akan datang dengan mewujudkan inisiatif khusus agar pelaburan domestik dapat dipelbagaikan bagi memperkukuhkan asas ekonomi Negeri Selangor; dan
- 5) Merangka strategi untuk membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan di Negeri Selangor bagi mengurangkan impak sosio-ekonomi.

Kerajaan Negeri komited untuk menggunakan pendekatan perkongsian kekayaan sama rata melalui konsep Ekonomi Peduli Rakyat. Negeri Selangor perlu kekal progresif dan inklusif selaras dengan aspirasi rakyat. Kerajaan Negeri percaya pembangunan negeri tidak boleh hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi dan kepenggunaan, malah perlu mengutamakan kesejahteraan rakyat, kualiti hidup, kesaksamaan sosial, kemampanan, struktur ekonomi serta daya tahan dan kualiti tenaga kerja. Keupayaan modal insan akan dioptimumkan bagi meningkatkan produktiviti secara maksimum. Strategi tersebut akan dilaksanakan bagi merapatkan kesenjangan ekonomi rakyat kaya dan miskin di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri juga percaya masa hadapan Negeri Selangor bergantung kepada perpaduan rakyat yang utuh dalam kepelbagaian dan berkongsi nilai serta aspirasi yang sama. Rakyat Selangor perlu memiliki kepelbagaian kemahiran yang relevan. Ciri-ciri ini akan memastikan Negeri

Selangor melonjak lebih jauh sebagai sebuah negeri maju dari sudut ekonomi, sosial dan alam sekitar.

b) Berdasarkan kepada penunjuk utama prestasi ekonomi Negeri Selangor dan jumlah pelaburan yang dinyatakan sebentar tadi, jelas menunjukkan bahawa Negeri Selangor berada di atas landasan yang betul dan selesa. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak akan sesekali alpa dan memandang ringan tanggungjawab dan amanah yang dipikul bagi memelihara kemaslahatan rakyat Selangor. Kerajaan Negeri yakin strategi yang dilaksanakan akan membantu menjana ekonomi bagi mengekalkan status Negeri Selangor sebagai negeri paling maju di Malaysia. Seperti yang dinyatakan sebentar tadi, ekonomi Negeri Selangor berada dalam keadaan yang semakin progresif dengan indikator positif yang ditunjukkan seperti:

- 1) Menjadi tumpuan buruh dengan kadar sebanyak 22.1% daripada 14.418 juta tenaga buruh Malaysia bertumpu di Selangor pada tahun 2015;
- 2) Pendapatan isi rumah meningkat;
- 3) KDNK Per Kapita melebihi paras nasional;
- 4) Penyumbang terbesar KDNK nasional iaitu sebanyak 22.6% pada tahun 2015 dan melebihi 1/5 daripada jumlah KDNK Malaysia;
- 5) Kecergasan aktiviti ekonomi dicatat dalam semua sektor kecuali pertanian; dan
- 6) Jumlah pelaburan meningkat sebanyak 13.1% pada tahun 2015.

Faktor-faktor ini menunjukkan betapa besarnya peranan yang dimainkan oleh Negeri Selangor terhadap prestasi ekonomi negara. Kerajaan Negeri yakin dengan tadbir urus berdasarkan prinsip intergriti, ketelusan dan keadilan, Negeri Selangor akan terus melangkah ke hadapan dan bertindak sebagai penyumbang utama kepada KDNK negara melangkaui 2020 dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai penyumbang utama. Kerajaan Negeri Selangor juga bertekad untuk terus mengekalkan prestasi sebagai negeri paling maju ekonominya di Malaysia berlandaskan kepada Ekonomi Peduli Rakyat yang diterapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : LAPORAN EKONOMI NEGERI

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan mengeluarkan laporan ekonomi negeri semasa yang lengkap?
- b) Apakah indikator dan maklumat penting tentang ekonomi negeri semasa?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri melalui UPEN telah berkolaborasi bersama *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER) sejak tahun 2014 bagi menyediakan Laporan Ekonomi Negeri Selangor yang mengandungi laporan lengkap mengenai pencapaian ekonomi Negeri Selangor. Laporan ini disediakan bagi memantau pencapaian ekonomi dan melihat keberkesanan program dan projek yang dilaksanakan serta menjadi rujukan dalam merancang strategi baru untuk meningkatkan keberkesanan dan kebolehpasaran projek pada masa akan datang. Di samping itu, MIER juga menyediakan unjuran serta prospek bagi masa hadapan yang telah dibentangkan semasa *Retreat EXCO* pada Mac 2017.
- b) Prestasi ekonomi Negeri Selangor pada tahun 2015 mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.7%, iaitu 0.7% lebih tinggi berbanding pertumbuhan ekonomi Malaysia yang hanya tumbuh sebanyak 5.0%. Pencapaian pertumbuhan sebanyak 5.7% ini telah membolehkan Negeri Selangor menyumbang melebihi 1/5 daripada keseluruhan KDNK Negara secara berterusan untuk tempoh 5 tahun kebelakangan. Sumbangan sebanyak 22.6% atau bersamaan dengan RM239,968 juta pada 2015 merupakan rekod tertinggi yang pernah dicapai oleh Negeri Selangor sepanjang 2010 – 2015.

Prestasi tersebut diukur berdasarkan prestasi 5 (lima) sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan kuari serta pertanian. Data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan MIER menunjukkan pada tahun 2015 sektor perkhidmatan menyumbang 59.4% kepada ekonomi Negeri Selangor berjumlah RM142,609 juta diikuti sektor pembuatan 29.4% dengan nilai RM70,579 juta, pembinaan 6.2% berjumlah RM14,827 juta, pertanian memberi sumbangan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : KENDERAAN TERBENGGKALAI

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kenderaan terbiar yang di tunda dan lupuskan pada tahun 2016 dan 2017.
- b) Nyatakan jumlah kenderaan terbiar yang telah di tuntutan semula oleh pemilik.
- c) Huraikan jumlah perbelanjaan yang telah di tanggung & akan di tanggung bagi permasalahan ini.

JAWAPAN:

a) dan b) adalah bersekali,

Berdasarkan tindakan yang diambil oleh PBT di bawah **Seksyen 46 1(e) (Halangan)** dan **Seksyen 46 3(a), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)**, jumlah kenderaan buruk yang berjaya **ditunda** oleh penguatkuasa PBT Negeri Selangor pada **tahun 2016** adalah sebanyak **3,475** buah kenderaan dan **tahun 2017 (Januari - Jun)**, adalah sebanyak **2,049** buah kenderaan.

Seterusnya, jumlah keseluruhan kenderaan yang berjaya dilupuskan oleh PBT di seluruh Negeri Selangor bagi **tahun 2016** pula adalah sebanyak **2,015** buah kenderaan, manakala **tahun 2017 (Januari - Jun)** adalah sebanyak **1,026** buah kenderaan.

Jumlah kenderaan yang telah **dituntut semula** oleh pemilik kenderaan, masing-masing adalah sebanyak **206** buah kenderaan pada **tahun 2016** dan sebanyak **114** buah kenderaan pada **tahun 2017 (Januari - Jun)**. Pecahan bilangan kenderaan buruk yang diambil tindakan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	Jumlah Kenderaan Terbiar Yang Ditunda		Jumlah Kenderaan Terbiar Yang Dilupuskan		Jumlah Kenderaan Terbiar Yang Dituntut Semula	
		2016	2017 (Jan-Jun)	2016	2017 (Jan-Jun)	2016	2017 (Jan-Jun)
1.	MBSA	251	233	262	126	18	11
2.	MBPJ	910	514	565	239	53	36
3.	MPSJ	738	558	320	359	36	30
4.	MPS	313	85	135	212	32	16
5.	MPKj	91	107	250	Tiada	Tiada	10
6.	MPK	105	74	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
7.	MPAJ	872	437	407	73	52	10
8.	MPSp	115	Tiada	76	Tiada	4	Tiada
9.	MDKS	39	19	Tiada	Tiada	2	Tiada
10.	MDKL	15	5	Tiada	17	9	Tiada
11.	MDSB	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
12.	MDHS	26	17	Tiada	Tiada	Tiada	1
JUMLAH KESELURUHAN		3,475	2,049	2,015	1,026	206	114

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

- c) Jumlah keseluruhan perbelanjaan yang ditanggung oleh PBT Negeri Selangor dalam usaha menyelesaikan isu kenderaan terbengkalai bagi **tahun 2016** adalah sebanyak **RM2,482,573.56**, manakala bagi **tahun 2017 (Januari - Jun)** adalah sebanyak **RM1,612,867.00**.

Manakala anggaran jumlah perbelanjaan yang akan ditanggung oleh PBT Negeri Selangor bagi menyelesaikan permasalahan ini adalah sebanyak **RM1,923,096.72** yang merangkumi kos penyediaan depoh, kos tunda dan melupus kenderaan. Pecahan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

BIL	PBT	Jumlah Keseluruhan Kos Perbelanjaan Yang Ditanggung Tahun 2016 (RM)	Jumlah Kos Keseluruhan Perbelanjaan Yang Ditanggung Tahun 2017	
			Yang Telah Ditanggung (Jan-Jun) (RM)	Anggaran Kos Yang Akan Ditanggung (Jul – Dis) (RM)
1.	MBSA	44,000.00	33,630.00	Tiada
2.	MBPJ	913,140.00	397,869.60	461,330.40
3.	MPSJ	900,000.00	900,000.00	461,330.40
4.	MPS	Tiada	Tiada	Tiada
5.	MPKj	32,100.00	32,100.00	40,000.00
6.	MPK	38,118.72	15,882.80	22,235.92
7.	MPAJ	500,774.64	223,894.60	850,000.00
8.	MPSp	39,850.10	Tiada	40,000.00
9.	MDKS	3,790.00	3,740.00	9,200.00
10.	MDKL	3,000.00	750.00	15,000.00
11.	MDSB	Tiada	Tiada	Tiada
12.	MDHS	7,800.10	5000.00	24,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		2,482,573.56	1,612,867.00	1,923,096.72

***Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PEMBANGUNAN SEMULA PANTAI BATU LAUT

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan bersedia untuk menyediakan peruntukan bagi pembangunan semula kawasan Pantai Batu Laut sepertimana yang telah dicadangkan melalui Majlis Daerah Kuala Langat?

JAWAPAN:

- a) Permohonan peruntukan bagi menaiktaraf Pantai Batu Laut secara keseluruhan adalah sebanyak RM 6.4 juta.

Bil	Perkara	Kepada	Tarikh Surat	Maklumbalas
1	Surat permohonan peruntukan	Kementerian Pelancongan	26 Mac 2013	Tiada maklumbalas
2	Surat ulangan permohonan peruntukan	Kementerian Pelancongan	29 Julai 2013	Tiadamaklumbalas
3	Surat permohonan peruntukan	Pegawai Kemajuan Negeri, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor	22 Nov 2013	-Tiada peruntukan -ICU telah majukan kepada Kementerian Pelancongan
4	Surat permohonan daripada ADUN Kaw. Tg. Sepat	YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping	10 April 2014	Surat untuk tindakan MDKL
5	Surat permohonan maklumbalas untuk tindakan daripada YB Elizabeth	Yang DiPertua, MDKL	15 April 2014	-

6	Surat pemakluman telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pelancongan	YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping	21 April 2014	-
7	Surat pemakluman telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pelancongan & YB Elizabeth	YB Ir. Haji Mohd Haslin Hassan	22 Julai 2014	-
8	Surat ulangan permohonan peruntukan	Kementerian Pelancongan	8 Sept 2014	Tiada maklumbalas
9	Surat ulangan permohonan peruntukan	Kementerian Pelancongan	27 April 2016	Tiada maklumbalas

Jabatan Kejuruteraan telah menghantar kertas cadangan bagi projek Cadangan Penempatan Semula Gerai-Gerai Di Pantai BatuLaut dengan anggaran kos sebanyak RM2.939Juta.

Bil	Perkara	Kepada	TarikhSurat	Maklumbalas
1	Surat dari UPEN untuk majlis kemukakan permohonan lengkap beserta ulasan.	MDKL	29.12.2016 (dlm.IPK.Sel.8000 /AP/05/09Jld.18(27)	
2	Surat permohonan peruntukan	UPEN	13 Feb 2017 (MDKL/JK/SUK/ 112Jld12(32)	
3	Mesyuarat penyelarasan bersama Dato' Timbalan SUK (Pembangunan) pada 7 Mac 2017	-	-	Mesyuarat bersetuju pihak MDKL meneliti peluang pelaburan ke atas tanah melalui usahasama atau pajakan.
4.	Surat maklumbalas mesyuarat.	MDKL	17 Mac 2017 (IPK.Sel.8000 /AP/05/70Jld.2(20)	
3	Surat rayuan permohonan peruntukan.	UPEN	7 Julai2017 (MDKL/JK/AM/ TG/324(07)	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN PINTAR JALAN RAYA MENGGUNAKAN WAZE

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dimulakan Penyelenggaraan Pintar Jalan Raya menggunakan Waze di PBT?
- b) Bagaimana cara selenggara ini mampu memberi keselesaan, keselamatan kepada pengguna jalan raya?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : USAHAWAN BERTARAF ANTARABANGSA

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci usahawan yang digilap oleh Kerajaan Negeri sehingga ke peringkat antarabangsa?
- b) Nyatakan program Kerajaan Negeri untuk menambah jumlah usahawan bertaraf antarabangsa?

JAWAPAN:

a) dan (b) dijawab bersekali.

Setiap tahun, salah satu fokus Kerajaan Negeri adalah untuk melahirkan usahawan yang berjaya yang memberi fokus bukan sahaja kepada bilangan usahawan tetapi proses sehingga mencapai tahap penembusan dan meluaskan pasaran luar (*market penetration and expansion*). Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri mengadakan Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P) kepada usahawan yang sudah bersedia untuk meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Program 4P ini telah dijalankan sejak tahun 2012. Mengikut rekod setakat ini, seramai 79 orang usahawan telah menyertai program 4P. Sebelum ini, program 4P terbuka kepada usahawan di Tahap 1, di mana perniagaan yang diusahakan di dalam skala kecil hingga sederhana. Namun bermula tahun 2016, program ini telah menekankan kepada usahawan di Tahap 3 di mana produk usahawan telah mempunyai pensijilan halal dan program ini menambahbaik tahap pembungkusan produk untuk ke arena antarabangsa. Program ini menawarkan beberapa siri bengkel di mana modul program merangkumi keperluan teknikal, strategi penjenamaan, peraturan pelabelan dan pembungkusan, keperluan dan peningkatan teknologi, proses pendaftaran jenama dan *barcode* dan pembangunan asas kawalan kualiti ke arah pelaksanaan GMP dan persijilan Halal Malaysia. Hasil daripada penyertaan program 4P ini, produk usahawan akan mencapai piawaian dan standard untuk dipasarkan bukan sahaja ke pasaran tempatan malahan ke peringkat antarabangsa.

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyediakan *platform* promosi dengan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkecenderungan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini telah memberi ruang kepada usahawan dalam meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Pada MIHAS 2016 yang berlangsung pada Usahawan yang paling berjaya pada tahun 2016 adalah pada pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016, produk kerepek seaweed jenama *Teego* daripada Syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd telah memperolehi kontrak pembekalan ke tiga buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun. Manakala pada PIHEC 2017 yang berlangsung pada 24 - 26 Februari 2017, Syarikat Dhuha Tensai Resources yang menjual makanan Korea telah mendapat tempahan daripada Singapura. Manakala syarikat Bio-Haruantech (M) Sdn. Bhd. di bawah label *Rezza Brand* yang menjual pelbagai produk mi segera telah mendapat tempahan daripada Singapura, Brunei, Hong Kong, China dan Korea. Pada MIHAS 2017 yang berlangsung pada 5 - 8 April 2017 pula Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan daripada Singapore, Vietnam, China dan kini sedang dalam perbincangan bersama syarikat daripada United Kingdom.

Pada tahun ini, buat pertama kali Kerajaan Negeri akan menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* 2017 pada 12 hingga 15 September 2017 di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce*, P.R. China. Kerajaan Negeri Selangor akan menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) memandangkan badan ini berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia. Beberapa usahawan yang mempunyai produk yang boleh dikembangkan ke pasaran luar akan dipilih mewakili Negeri Selangor. Program sebegini bukan sahaja dapat membuka peluang produk tempatan ke pasaran antarabangsa malahan peserta dapat membina jaringan perniagaan di kalangan peserta luar yang terlibat di dalam program ini.